

Pertahankan Tanahair Sekalipun Dengan Nyawa - Almarhum Tunku



"Pertahankan tanahair sekalipun dengan nyawa," begitulah seruan *Bapa Kemerdekaan* dan Perdana Menteri Pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra kepada murid-murid sekolah di satu majlis Hari Ibu Bapa pada tahun 1968. Tunku berucap sedemikian dalam majlis yang turut dihadiri sama oleh Menteri Pelajaran ketika itu, Encik Mohd. Khir Johari (*Tan Sri*) dan Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama, Encik Haji Ghazali Jawi (*Tan Sri*) iaitu bapa kepada Menteri Besar Perak kini Datuk Seri Tajol Rosli.

Tunku yang ditemani oleh isterinya, Puan Sharifah Rodziah (*Tun*) mengingatkan murid-murid dengan berkata, "Malaysia adalah sebuah negara yang muda dan adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menjaga dan memperkuatkannya supaya negara kita kuat dan dihormati".

Begitulah semangat Tunku yang cuba disuntikkan kepada murid-murid sekolah supaya mereka menjadi warga negara yang bertanggungjawab dan sanggup mempertahankan bangsa dan negara.

"Malaysia adalah sebuah negara yang muda dan adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menjaga dan memperkuatkannya supaya negara kita kuat dan dihormati".
- Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra
AlHaj

> Keratan akhbar Utusan Melayu bertarikh 12 April 1968 yang menyiarkan ucapan almarhum Tunku

